



PTPTN **Tabung** **Pendidikan Anda**

PTPTN mendekati masyarakat



SEJAK penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), banyak perkara yang telah dilakukan PTPTN dari tahun ke tahun. Paling utama, PTPTN sentiasa berusaha untuk mendekatkan diri mereka dengan pelanggan.

Langkah yang diambil melalui pembukaan pejabat-pejabat negeri dan cawangan serta pelantikan Eksekutif Pemasaran (EP), saya lihat merupakan langkah yang sangat bijak untuk tujuan *outreach*. Pelbagai saluran bayaran balik dan penambahan deposit SSPN-i menunjukkan bahawa PTPTN sentiasa ingin memastikan bahawa mereka setanding dengan institusi yang beroperasi seperti PTPTN.

Pada tahun ini, saya lihat PTPTN semakin berani membuat sesuatu yang berlainan daripada biasa. PTPTN telah mengambil beberapa langkah tegas seperti penyenaraian peminjam di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) dan mewajibkan potongan gaji kepada kakitangan kerajaan.

Saya berharap masyarakat tidak menyalahanggap tindakan yang diambil ini. Ia bukanlah menyusahkan peminjam tetapi tindakan ini diambil bagi memastikan dana yang berterusan dan PTPTN boleh terus memberikan pembiayaan kepada generasi akan datang.

Lonjakan kutipan bayaran balik yang direkodkan selepas pelaksanaan kaedah penguatkuasaan ini menunjukkan bahawa peminjam sebenarnya mampu membuat bayaran balik tetapi memerlukan satu peringatan untuk mereka melaksaka-

nakan tanggungjawab mereka.


Sebelum ini, saya pernah berkata bahawa amalan membayar balik hutang perlu dibudayakan dan masyarakat harus melihat ini sebagai satu tanggungjawab. Mereka juga boleh merasa bangga kerana berupaya membayar balik hutang dan memberi peluang kepada adik-adik yang bakal melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Tahniah saya ucapan kepada PTPTN kerana mengambil langkah berani di dalam mendapatkan bayaran balik daripada peminjam.

Jadi, untuk tahun 2016, saya berharap PTPTN akan meneruskan langkah-langkah proaktif yang telah dimulakan pada tahun ini untuk memastikan dana bagi pendidikan tinggi yang lebih stabil dapat disediakan dan diuruskan, bukan sahaja bagi pembiayaan pendidikan tetapi juga dari segi simpanan pendidikan. Saya berharap PTPTN dapat mencapai kutipan sebanyak RM180 juta sebulan.

Saya bukan hanya mempunyai harapan terhadap PTPTN, tetapi saya juga berharap masyarakat turut membantu dan menyokong PTPTN di dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Tanpa PTPTN, ramai pelajar yang mendapat tawaran ke universiti awam mahupun universiti swasta tidak dapat melanjutkan pelajaran kerana masalah kewangan.

DATUK SERI IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan Tinggi



PTPTN sememangnya menjadi pemangkin melalui fungsinya sebagai pemberi pembiayaan pendidikan tinggi utama negara

**DATUK SHAMSUL
ANUAR NASARAH**
Pengerusi PTPTN

Bersama pastikan kelestarian PTPTN

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengajak rakyat negara ini untuk turut bersama dalam memperkuatkukuhkan peranan perbadanan tersebut sebagai pembiayaan pendidikan tinggi utama negara.

Bagi PTPTN, sokongan rakyat adalah amat penting dalam memastikan kesinambungan tradisi kecemerlangan perbadanan tersebut untuk dinikmati generasi akan datang.

Pengerusi PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, meskipun terdapat antara pendekatan pihaknya boleh disifatkan tidak populis, tetapi iaanya perlu disokong demi matlamat jangka masa panjang untuk melestarikan fungsi PTPTN.

"PTPTN sememangnya menjadi pemangkin melalui fungsinya sebagai pemberi pembiayaan pendidikan tinggi utama negara. Rata-ratanya masyarakat lebih mengenali PTPTN kerana keperluan kepada pembiayaan pendidikan.

"Untuk tujuan ini, sehingga 30 September tahun ini, PTPTN telah pun meluluskan hampir 2.4 juta pembiayaan dengan komitmen keseluruhan melebihi RM53.7 bilion sehingga peminjam tamat belajar," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Selain itu katanya, PTPTN juga tidak mahu masyarakat sentiasa bergantung kepada pembiayaan yang disediakan semata-mata. Usaha berterusan akan dibuat untuk memupuk budaya menabung dalam kalangan masyarakat.

Menurut beliau, banyak program akan dilaksanakan oleh PTPTN pada 2016 dalam usaha menggiatkan penabungan untuk pendidikan tinggi.

"SSPN-i yang telah 12 tahun dilancarkan perlu menjadi pilihan utama ibu bapa di dalam membuat perancangan kewangan untuk pendidikan tinggi.

"Produk SSPN-i Plus yang dilancarkan pada tahun ini merupakan alternatif yang boleh dipilih terutama mereka yang memerlukan perlindungan takaful," katanya.

Shamsul Anuar berkata, sambutan masyarakat terhadap SSPN-i adalah amat menggalakkan dan berdasarkan rekod, wujud trend penabungan melalui peningkatan bilangan akaun dan jumlah deposit.

Walau bagaimanapun, menurut beliau, bilangan yang memulakan simpanan tersebut masih lagi kecil dibandingkan dengan keseluruhan rakyat negara ini.

"Sehubungan itu, masih banyak langkah yang perlu dibuat agar rakyat menyedari ten-

tang kepentingan penabungan ini," katanya.

Tegas beliau, SSPN-i merupakan instrumen simpanan, bukannya instrumen pelaburan.

Simpanan berkenaan jelasnya, bertujuan untuk perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi.

Katanya, contoh paling rapat adalah Tabung Haji yang mana simpanan dibuat bagi tujuan menuaiakan fardhu haji.

"Bukan sahaja kerana kebimbangan untuk menampung perbelanjaan pengajian tinggi yang dijangka sentiasa meningkat dari semasa ke semasa ditambah dengan pelbagai keistimewaan yang ditawarkan, saya yakin SSPN-i ini sangat berdaya saing dan mampu menjadi produk simpanan yang menjadi pilihan utama rakyat," tambahnya.

Dalam pada itu, Shamsul Anuar berkata, untuk tahun akan datang, diharapkan semua pihak akan terus memberi kepercayaan dan peluang kepada PTPTN melaksanakan fungsi dengan cekap dan berkesan.

"Kepada peminjam, saya harap mereka dapat menuaiakan tanggungjawab membuat bayaran balik agar manfaat yang mereka telah nikmati dapat dipanjangkan kepada adik-adik serta anak-anak yang bakal melanjutkan pelajaran," jelasnya.

Prestasi bayaran balik meningkat



Trend bayaran balik kini dilihat meningkat dari tahun ke tahun. Secara puratanya, seramai 200,000 peminjam menamatkan pengajian setiap tahun

AGOS CHOLAN
Ketua Eksekutif PTPTN

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan terus memainkan peranannya bagi memastikan tiada pelajar yang tercincir untuk melanjutkan pengajian disebabkan masalah kewangan.

Bagaimanapun, menurut Ketua Eksekutif PTPTN, Agos Cholan, usaha itu dapat dilaksanakan dengan jayanya jika masyarakat khususnya peminjam memberikan kerjasama dalam memastikan dana PTPTN mencukupi bagi pembiayaan di masa depan. Antaranya, melaksanakan tanggungjawab membuat bayaran balik secara konsisten kepada PTPTN.

"Bagaimanapun, trend bayaran balik kini dilihat meningkat dari tahun ke tahun. Secara puratanya, seramai 200,000 peminjam menamatkan pengajian setiap tahun, bermakna jumlah peminjam yang perlu membuat bayaran balik juga bertambah," katanya.

Sehingga 30 September tahun ini, PTPTN telah berjaya mengutip lebih RM6.7 bilion berbanding RM14.6 bilion yang sepatutnya dibayar balik oleh peminjam iaitu melibatkan seramai 1.2 juta peminjam daripada 1.8 juta orang yang sepatutnya membuat bayaran balik pembiayaan PTPTN.

Sebab itu katanya, bagi memudahkan pemin-

jam, PTPTN sejak dahulu lagi telah memperkenalkan kaedah potongan gaji tetapi ia kurang mendapat sambutan daripada peminjam.

Jelas beliau, peminjam akan memberikan pelbagai alasan untuk tidak membuat bayaran balik pembiayaan PTPTN seperti masih belum memperoleh pekerjaan, gaji yang rendah dan tidak mencukupi serta mendahului pinjaman lain yang dirasakan lebih utama daripada bayaran balik pembiayaan PTPTN.

"Kita tidak nafikan, mungkin ada peminjam yang benar-benar tidak mampu untuk membuat bayaran balik, tetapi itu bukanlah merupakan alasan untuk mereka melarikan diri daripada PTPTN."

"Jika ada masalah, datanglah ke mana-mana pejabat PTPTN untuk membuat rundingan dan penstrukturkan semula. Jangan takut atau risau kerana pegawai PTPTN sentiasa bersedia untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi," katanya.

Katanya, jika mereka hanya berdiam diri tanpa melaksanakan tanggungjawab tersebut, PTPTN akan mengambil tindakan pengkuasaan seperti senarai hitam Jabatan Imigresen, penyenaraian dalam CCRIS dan tindakan undang-undang.

fakta

Sehingga 30 September tahun ini, PTPTN telah meluluskan pembiayaan pendidikan kepada hampir 2.4 juta peminjam melibatkan peruntukan berjumlah RM53.7 bilion

Pelajar cemerlang UPSR terima insentif SSPN-i

Oleh ROSALINDA MD.SAID

KERAJAAN negeri Terengganu akan menimbulkan kemungkinan memperluaskan pemberian ganjaran dalam bentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) kepada para pelajar cemerlang dalam peperiksaan awam di peringkat menengah.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, selain menghargai pencapaian cemerlang anak negeri, langkah itu diharap dapat membudayakan amalan menabung dalam kalangan masyarakat bagi keperluan pendidikan pada masa depan.

Kerajaan negeri mula memperkenalkan ganjaran dalam bentuk SSPN-i dalam Bajet 2015 kepada calon cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi menghargai pencapaian yang terus meletakkan Terengganu di hadapan.

"Tahun ini sejarah tercipta lagi dalam ketiga-tiga kategori iaitu semua A, Gred Purata Negeri (GPN) dan kelulusan minimum C apabila kita berjaya mengatasi rekod lalu.

"Ini adalah antara perkara yang menjadi tanggungjawab kerajaan negeri dan kita akan memberi komitmen serta perhatian yang bersungguh-sungguh untuk memastikan Terengganu terus cemerlang sebagai negeri Anjung Ilmu.

"Kita tidak akan berkompromi dalam soal pendidikan. Walaupun pendapatan berkuranjan tetapi kita tidak akan mengurangkan peruntukan yang ditetapkan bagi memperkasakan pendidikan," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Apresiasi Kecemerlangan UPSR Terengganu 2015 di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu baru-baru ini.

Hadir sama Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Mohd. Zubir Embong; Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Inovasi dan Tugas-Tugas Khas Negeri, Ghazali Taib serta Pengurus Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Datuk Shamsul Anuar Nasarah.

Seramai 2,558 murid cemerlang UPSR 2015 di negeri ini masing-masing menerima hadiah



AHMAD RAZIF ABDUL RAHMAN menyerahtakan replika cek kepada Shamsul Anuar Nasarah (tiga dari kanan) pada Majlis Apresiasi Kecemerlangan UPSR Terengganu 2015 di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu baru-baru ini.

RM500 yang dibuat melalui SSPN-i dengan nilai peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.279 juta.

Menurut Ahmad Razif, prestasi mereka di peringkat menengah kelak akan terus dipantau agar membawa kejayaan berterusan di pelbagai peperiksaan awam.

Terdahulu Ahmad Razif menyampaikan Anugerah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Terbaik UPSR 2015 kepada PPD Kuala Terengganu menerusi Peratus Semua A Terbaik Daerah diikuti PPD Hulu Terengganu yang mendapat dua pengiktirafan iaitu Gred Purata Daerah Terbaik dan Lulus Semua Mata Pelajaran Terbaik Daerah manakala Anugerah Pencapaian Sekolah Terbaik pula diterima oleh SK Rantau Petronas yang mendapat Peratus Semua A Terbaik dan SK Tapu (Gred Purata Sekolah Terbaik).

Dalam majlis sama, anak angkat Menteri

Besar, Nor Izzah Insyirah Suhaimi dari Sekolah Kebangsaan (SK) Geliga, Kemaman mendahului senarai penerima insentif SSPN-i diikuti Ammar Zakwan Kamaluddin (SK Sura); Nur Amalina Aida Ramlee (SK Marang); Wan Nur Athirah Wan Sulong (SK Tapu); Nur Ridiani Mohd. Ridzuan (SK Paloh); Ahmad Sirin Nabhan Yasin Aminuddin Anwar (SK Teluk Ketapang); Ina Khalida Mohd. Khalil (SK Bari); Auni Solehah ZUKRI (SK Pulau Perhentian); Nurqyesha Uzmahanim Zulmahadi (SK Maras) dan Muhammad Ikhwan Hadi Iziludin (SK Kerteh).

Sementara itu, Shamsul Anuar berkata, pihaknya bakal melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di 32 Dewan Undangan Negeri (DUN) di Terengganu tidak lama lagi demi memastikan negeri ini terus unggul dalam bidang pendidikan.

Katanya, langkah tersebut merupakan peng-

hargaan pihak PTPTN di atas usaha murni yang diambil kerajaan negeri menerusi pemberian insentif SSPN-i kepada murid cemerlang UPSR yang sekali gus menampakkan komitmen Terengganu untuk melabur dalam simpanan pendidikan masa depan anak-anak negeri.

"Terengganu berjaya mencipta rekod tersendiri apabila selama 15 tahun berturut-turut cemerlang dalam pendidikan. Ini bukan pencapaian yang mudah untuk mana-mana kerajaan negeri kerana pastinya menuntut komitmen daripada semua pihak serta agensi," ujarnya.

Shamsul Anuar berkata, pihaknya akan merangka modul terbaik dalam program tersebut yang mampu melonjakkan lagi nama Terengganu disamping pengisiannya kelak akan disesuaikan dengan agenda kerajaan negeri serta PTPTN.

SSPN-i didik budaya menabung

PENDIDIKAN memainkan peranan penting, bukan sahaja sebagai satu laluan untuk melahirkan modal insan bertaraf dunia tetapi juga menjadi enjin kemajuan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Bagaimanapun, untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan sempurna, ibu bapa perlu mempunyai perancangan kewangan sejak awal lagi agar usaha menimba ilmu itu tidak terhenti setakat di sekolah sahaja hanya disebabkan oleh masalah kewangan.

Bertepatan dengan itu, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah memperkenalkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) dalam usaha memupuk kesedaran menabung bermula daripada peringkat awal.

SSPN-i yang diperkenalkan pada tahun 2004 adalah satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN untuk tujuan pendidikan tinggi.

Skim yang ditawarkan adalah patuh Syariah berlandaskan konsep 'Wakalah Bil Istithmar' yang mana pendeposit melantik PTPTN untuk menguruskan deposit mereka bagi tujuan pelaburan.

Pembukaan akaun SSPN-i tidak terhad kepada ibu bapa atau penjaga sahaja tetapi terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Mulai 1 Januari 2012, pelajar yang ingin memohon pembiayaan pendidikan PTPTN untuk mem-



biaya pengajian mereka di universiti awam maupun swasta, diwajibkan mempunyai akaun SSPN-i dengan simpanan minimum seperti yang ditetapkan oleh PTPTN.

Biar pun diwajibkan, PTPTN tetap mewarkan pelbagai insentif dan keistimewaan bagi menggalakkan orang ramai menabung

termasuk menjadikan akaun itu sebagai satu pelaburan yang dijamin oleh kerajaan.

Pelaksanaan ini secara tidak langsung telah membantu usaha untuk mentransformasi minda masyarakat Malaysia untuk menabung demi pendidikan anak-anak mereka.

Tiga kategori akaun SSPN-i

- **KATEGORI 1** - Akaun dibuka oleh ibu bapa/penjaga atau warganegara Malaysia yang lain untuk penerima manfaat yang berumur satu hari sehingga mencapai umur 29 tahun.
- **KATEGORI 2** - Warganegara yang berumur 18 tahun sehingga mencapai 29 tahun mempunyai pilihan sama ada untuk membuka akaun individu atau menjadi penerima manfaat yang mana akaun dibuka oleh ibu bapa/penjaga atau warganegara Malaysia yang lain.
- **KATEGORI 3** - Warganegara berumur 29 tahun ke atas, perlu membuka akaun individu.

Pemberian dividen

KADAR dividen SSPN-i bagi tahun 2014 adalah sebanyak 4.25 peratus. Pembayaran dividen itu melibatkan 2,096,542 akaun dengan jumlah sebanyak RM50.2 juta. Kadar dividen ini adalah yang tertinggi pernah diberikan selama dua tahun kewangan berurut-turut.

Keistimewaan SSPN-i

Patuh Syariah

Pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM6,000 ke atas simpanan bersih tahun semasa

Dividen kompetitif

Simpanan dijamin kerajaan

Perlindungan takaful percuma*

Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000*

Simpanan mudah

Layak memohon pembiayaan PTPTN

* Tertakluk kepada terma dan syarat

fakta

SSPN-i
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

Sehingga
30 September 2015, jumlah pembukaan akaun adalah **2.39 juta** akaun dengan jumlah deposit **RM1.58 billion**



Saluran deposit SSPN-i

Kemudahan menyimpan melalui saluran-saluran berikut:

SALURAN DEPOSIT SSPN-i								
Agenzi/Ejen SSPN-i	Kaunter	Perbankan Internet	*e-SSPN-i (laman web PTPTN)	Debit Terus	Arahan Tetap	Phone Banking	ATM/CDM	Potongan Gaji
TABUNG Pendidikan	✓		✓					
BSN	✓	✓			✓		✓	
CIMB BANK	✓	✓	✓					
AGRO BANK Bank Simpanan Rakyat	✓			✓				
BANK ISLAM	✓		✓					
BANK RAKYAT Bank Pilihan Andal	✓							
Maybank	✓	✓	✓		✓	✓	✓	
RHB IslamicBank	✓							
Majikan								✓

* e-SSPN-i turut menyediakan kemudahan simpanan kepada pelanggan Hong Leong Bank dan Public Bank.



Cabutan Hadiah SSPN-i 2015

BAGI menggalakkan masyarakat menabung dalam SSPN-i, PTPTN telah memperkenalkan program promosi iaitu Cabutan Simpanan Bonanza! SSPN-i (bagi suku tahun) dan Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN-i (tahanan).

Program promosi melalui cabutan hadiah itu diteruskan pada tahun 2015 dengan menawarkan hadiah yang lebih menarik dan lumayan. Malah, promosi tahun ini bertambah meriah apabila PTPTN memperkenalkan satu lagi cabutan hadiah di peringkat zon dikenali sebagai Simpanan Vaganza! SSPN-i.

Hadiah utama bagi Simpanan Bonanza! SSPN-i adalah Honda HR-V 1.8L V manakala hadiah utama bagi Simpanan X-Tra Bonanza! SSPN-i adalah kereta BMW 320i Sport Edition. Hadiah utama bagi Simpanan Vaganza! SSPN-i pula adalah Motosikal Yamaha LC 135.

Berbeza pada tahun 2014, hadiah yang ditawarkan adalah

berupa wang tunai RM200,000 bagi pemenang tempat pertama, RM100,000 bagi pemenang tempat kedua dan RM50,000 bagi pemenang tempat ketiga.

Pemenang Simpanan Bonanza! SSPN-i Siri Pertama 2015

- Hadiah Pertama (Honda HR-V 1.8L V)
 - Irwan Ismet
- Hadiah Kedua (Proton Iriz 1.3L Executive CVT)
 - Li Chee Chong
 - Hairam Abdullah
- Hadiah Ketiga (Motosikal SYM VTS 200)
 - Adwal Ab. Ghani
 - Keh Hen Beng
 - Stephanie Cheong Sok Han

Pelepasan taksiran cukai pendapatan SSPN-i

■ Ibu bapa dan ibu bapa angkat/penjaga yang sah dari segi undang-undang yang menyimpan dalam akaun SSPN-i untuk manfaat anak diberi pelepasan sehingga maksimum RM6,000 setahun tertakluk kepada jumlah simpanan bersih tahun semasa;

■ Ibu bapa yang membuat taksiran berasingan dan telah membuka akaun simpanan SSPN-i berasingan atas anak yang sama diberikan pelepasan sehingga maksimum RM6,000 seorang setahun;

■ Ibu bapa yang membuat taksiran bersama dan telah membuka akaun simpanan SSPN-i secara berasingan diberi pelepasan sehingga maksimum RM6,000 setahun; dan

■ Individu yang menyimpan untuk diri sendiri tidak diberi pelepasan taksiran cukai

**Rebutlah
peluang pelepasan
taksiran cukai
pendapatan
sehingga RM6,000
melalui tabungan
SSPN-i sebelum
31 Disember
2015**



**NOOR AZIAN
ABDUL HAMID**

Pelepasan cukai galakkan budaya menabung

KERAJAAN melalui dasar percukaian negara telah memberikan pelbagai jenis pelepasan untuk dinikmati pembayar cukai bertujuan meringankan beban cukai yang ditanggung mereka dan pada masa sama menggalakkan sesuatu aktiviti atau program yang boleh membangunkan masyarakat.

Untuk Tahun Taksiran 2015, terdapat 21 pelepasan cukai yang diberikan kepada pembayar cukai. Antara pelepasan itu adalah yang diberikan secara automatik iaitu pelepasan individu dan tanggungan berjumlah RM9,000 yang boleh ditutut tanpa perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

Pelepasan lain pula termasuk perubatan ibu bapa, yuran pendidikan untuk diri sendiri, pembelian buku, pembelian komputer, pembelian peralatan sukan, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan yang digalakkan kini adalah tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i). Bagi pelepasan kategori ini, pembayar cukai perlu mengemukakan

dokumen sokongan kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) LHDN, Noor Azian Abdul Hamid, pelepasan ke atas simpanan SSPN-i bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai ibu bapa membuat tabungan SSPN-i bagi membiayai pelajaran anak-anak pada masa depan.

Beliau berkata, pendekatan itu merupakan satu insentif yang sangat menarik kerana ia bertindak sebagai serampang dua mata iaitu menyimpan untuk pendidikan tinggi anak-anak dan pada masa sama mendapat pelepasan cukai yang seterusnya mengurangkan jumlah cukai yang perlu dibayar ibu bapa.

"Kita semua sedia maklum bahawa kos pendidikan dan pelajaran saban hari semakin meningkat dan kenaikan kos ini selaras dengan

peningkatan taraf hidup rakyat negara ini.

"Jadi, untuk membantu anak-anak melanjutkan pelajaran, skim tabungan yang diperkenalkan oleh PTPTN ini akan membolehkan ramai anak muda melanjar pelajaran ke menara gading pada masa akan datang.

"Oleh itu, saya menyarankan supaya semua pembayar cukai mengambil kesempatan ini bukan sahaja untuk menabung demi masa depan anak-anak, tetapi merebut peluang mendapatkan pelepasan cukai ini. Bagi Tahun Taksiran 2015, tabungan yang layak mendapat pelepasan adalah tabungan bersih yang dibuat sehingga 31 Disember 2015," katanya.

Noor Azian berkata, berdasarkan statistik tuntutan pelepasan ke atas tabungan bersih dalam SSPN-i bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 atau Tahun Taksiran 2014,

seramai 150,000 orang dianggarkan menikmati pelepasan tersebut.

Tambah beliau, pelepasan cukai yang diberikan itu tidak harus dilihat sebagai mekanisme untuk merancang jumlah cukai yang perlu dibayar, tetapi perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai matlamat dan objektif pemberian pelepasan cukai oleh kerajaan.

Katanya, selain SSPN-i, pelepasan yang boleh diperolehi adalah seperti pelepasan RM1,000 untuk pembelian buku yang diberikan untuk membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Turut diberikan ialah pelepasan berjumlah RM300.00 bagi pembelian peralatan sukan, yang mempunyai objektif untuk menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat.

Beliau berkata, pelepasan cukai itu tidak harus dilihat sebagai mekanisme untuk merancang jumlah cukai yang perlu dibayar, tetapi perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai matlamat dan objektif pemberian pelepasan ini oleh kerajaan.

REAKSI Apa Kata Masyarakat

"SAYA tidak menyangka dengan membuka akaun dan menyimpan dalam SSPN-i untuk anak saya yang baharu empat bulan ini, terus mendapat ganjaran yang cukup besar. Saya betul-betul terkejut dan bersyukur dengan rezeki ini. Terima kasih banyak-banyak PTPTN."

IRWAN ISMET, 45



"SAYA menyimpan untuk mendapatkan pengecualian taksiran cukai, ditambah pula dengan dividen yang kompetitif untuk seorang anak saya yang masih kecil. Produk ini sangat bagus dan dijamin kerajaan dan saya menyeru kepada ibu bapa menyimpanlah untuk anak dari kecil lagi demi masa depan yang terus gemilang."

LEE YEN NEE, 34



"TUJUAN asal saya membuka akaun SSPN-i adalah untuk anak saya, Mohamad Asyraf yang ketika itu berusia 16 tahun dan kini telahpun melanjutkan pengajian di Kaherah. Kebetulan hari penyampaian hadiah ini adalah tarikh hari lahirnya dan saya akan menyerahkan kereta ini kepadanya apabila dia pulang bercuti kelak."

HAIRAM ABDULLAH, 64

"BANYAK kelebihan yang saya perolehi dengan menyimpan dalam SSPN-i. Bukan sahaja ada simpanan tetapi berjaya pula mendapat tempat pertama dalam cabutan hadiah Simpanan Vaganza! SSPN-i ini. Kini, saya berhasrat untuk terus menyimpan demi masa depan anak-anak saya di masa depan. Terima kasih PTPTN".

LEE PEK KEE, 45




Apa itu SSPN-i?

SSPN-i adalah satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN untuk tujuan pendidikan tinggi dengan berlandaskan Syariah menggunakan konsep konsep 'Wakalah Bil Istithmar'.



Keistimewaan SSPN-i



- > Patuh Syariah
- > Pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM6,000 ke atas simpanan bersih tahun semasa
- > Dividen kompetitif
- > Simpanan dijamin kerajaan
- > Perlindungan takaful percuma*
- > Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000*
- > Simpanan mudah
- > Layak memohon pembiayaan PTPTN


* Tertakluk kepada terma dan syarat

Pembukaan akaun

Boleh dibuat melalui kaunter PTPTN, Eksekutif Pemasaran (EP) dan ejen SSPN-i yang dilantik di seluruh negara.

Ejen SSPN-i adalah:-

- Maybank
- Bank Islam
- Agrobank
- Bank Rakyat
- Bank Simpanan Nasional (BSN)
- RHB Bank
- CIMB Bank




Geran sepadan

Keluarga berpendapatan bulanan tidak melebihi RM4,000 sebulan layak dipertimbangkan Geran Sepadan apabila anak diterima masuk ke IPT.



Perlindungan Takaful

Perlindungan takaful berupa manfaat dan/atau khairat kematian disediakan kepada pendeposit yang layak berumur 18 tahun sehingga sebelum mencapai 65 tahun. Sekiranya berlaku kematian atas penerima manfaat yang berumur 1 hari sehingga sebelum mencapai 28 tahun, khairat kematian akan dibayar tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan.



Sumbangan Takaful SSPN-i Plus	RM10	RM20	RM30	RM300
Kematian/llat kekal (Kemalangan)	RM40,000	RM80,000	RM120,000	RM1juta
Kematian/llat kekal (Biasa)	RM20,000	RM40,000	RM60,000	RM500,000
llat kekal separa (Kemalangan & biasa)	Tiada	Tiada	Tiada	RM100,000
36 penyakit kritikal	RM10,000	RM20,000	RM30,000	RM100,000
Elaun kemasukan hospital	RM20	RM40	RM60	RM200
Khairat kematian	RM2,500 (Pendeposit & pasangan)	RM1,000 (anak-anak maksimum 3 orang)	RM18,000 (pendeposit) RM9,000 (pasangan) RM2,000 (anak-anak maksimum 3 orang)	




Pelan Simpanan Terbaik




Apa itu SSPN-i Plus?

SSPN-i Plus adalah skim atau instrumen simpanan dengan perlindungan takaful yang murah dan komprehensif.



Keistimewaan SSPN-i Plus

- > Patuh Syariah
- > Pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000
- > Komitmen serendah RM50 sebulan
- > Manfaat takaful bagi kematian/llat kekal (kemalangan/biasa) sehingga RM1juta*
- > Tiada pemeriksaan kesihatan
- > Dividen kompetitif
- > Khairat kematian termasuk pasangan dan tiga orang anak
- > Manfaat takaful bagi 36 penyakit kritikal
- > Elaun kemasukan hospital
- > Perlindungan 24 jam di seluruh dunia
- > Simpanan dijamin kerajaan
- > Layak memohon pembiayaan PTPTN



* Tertakluk kepada terma dan syarat

Pembukaan akaun

Pembukaan akaun SSPN-i Plus boleh dibuat melalui kaunter PTPTN, Eksekutif Pemasaran (EP) dan ejen SSPN-i plus yang dilantik di seluruh negara.

Dokumen diperlukan adalah:-

- MyKad/Kad Polis/Kad Tentera/Pemohon (salinan asal)
- Sijil kelahiran/MyKid/MyKad Anak (salinan asal)
- Surat akaun berkanun/ sijil anak angkat (bagi ibu bapa yang ingin membuka akaun untuk anak angkat di bawah jagaan mereka).



Cabutan Hadiah Wow!

Menabung dalam SSPN-i Plus memberi peluang untuk anda memenangi hadiah sebuah apartmen bernilai RM500,000 untuk cabutan tahunan dan empat buah kereta jenis BMW 320i bagi cabutan suku tahun.

SSPN-i Plus, pelan simpanan terbaik

Oleh ROSMAWATI MION

SSPN-i Plus yang diperkenalkan oleh PTPTN pada bulan Jun tahun ini adalah pelan simpanan pendidikan terbaik hasil penambahbaikan yang dilakukan dengan menggabungkan tabungan dan perlindungan takaful yang murah serta komprehensif.

Produk hasil kerjasama strategik di antara PTPTN dengan Hong Leong MSIG Takaful (HLM Takaful) itu secara tidak langsung dapat memupuk nilai dan semangat berjimat cermat serta sifat suka menabung dalam minda setiap rakyat Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong MSIG Takaful Berhad, Wan Mohd. Fadzlullah berkata, masyarakat kini memerlukan perancangan penabungan pendidikan memandangkan kos pembelajaran meningkat dari tahun ke tahun dan SSPN-i Plus adalah yang terbaik kerana ia memberikan satu pelan berganda yang menggabungkan elemen simpanan, perubatan dan perlindungan.

"Setiap individu perlu memperuntukkan sedikit wang untuk simpanan dan takaful walaupun sekadar RM50 sebulan secara konsisten. Jangan jadikan simpanan ini sebagai perkara terakhir untuk dilakukan.

"Menabung untuk masa depan atau merancang kewangan itu juga merupakan satu tuntutan agama seperti mana yang dinyatakan dalam Surah Yusuf, "Menabunglah selama tujuh tahun untuk menghadapi tujuh tahun kesusahan", katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Wan Mohd. Fadzlullah berkata, SSPN-i



PRODUK SSPN-i Plus dilancarkan pada bulan Jun 2015 bagi memberi lebih pilihan kepada masyarakat untuk menabung demi pendidikan masa depan anak-anak.

Plus adalah satu produk yang memenuhi hasrat kerajaan untuk menyediakan produk Mikro Takaful yang mampu dimiliki oleh semua rakyat di negara ini.

Jelasnya, SSPN-i Plus memberikan pelbagai keistimewaan kepada pendepositnya dan ia tidak membebankan kerana menawarkan pelan simpanan dengan pelbagai pilihan pakej dengan serendah RM50 sebulan yang tentunya mampu dibuka oleh semua lapisan masyarakat.

"Tidak ada produk semurah ini. Dengan RM50 itu, sumbangan takaful hanyalah RM10 sebulan, tetapi pendeposit diberikan pelbagai manfaat perlindungan biarpun mereka hanya membayar RM10," ujarnya.

Oleh itu kata beliau, SSPN-i Plus mensasarkan golongan yang berpendapatan di bawah RM10,000 sebulan untuk mengambil peluang tersebut selain dapat mengoptimalkan pelepasan cukai pendapatan

yang diberikan iaitu sehingga RM12,000.

Katanya, produk itu juga diharap dapat memenuhi keperluan golongan muda untuk menyimpan dari awal demi tabungan pendidikan anak-anak di masa depan.

"Malah, ia juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan untuk anak-anak meneruskan pendidikan di peringkat universiti dan meningkatkan kesedaran serta kepentingan menabung untuk keperluan masa depan," katanya.

Cabutan Hadiah Wow! SSPN-i Plus

MELALUI skim baharu ini, PTPTN memperkenalkan Cabutan Hadiah Wow! SSPN-i Plus yang menawarkan pelbagai ganjaran lumayan dengan keseluruhan hadiah bernilai RM3 juta kepada pendeposit yang membuka akaun pada tahun pertama.

fakta



Sehingga 30 September 2015, jumlah keseluruhan manfaat takaful bagi pendeposit SSPN-i Plus adalah sebanyak RM134 juta

MANFAAT	TEMPOH MENUNGGU
Kematian akibat kemalangan	Perlindungan serta-merta (semua pakej)
Kematian biasa (kecuali Pakej Berlian)	12 bulan untuk keadaan sedia ada
Kematian biasa (Pakej Berlian)	3 bulan (pulangan penuh sumbangan)
Keilatan kekal dan menyeluruh	12 bulan dari tarikh kuat kuasa (keadaan sedia ada)
Keilatan kekal dan separa (Pakej Berlian sahaja)	12 bulan dari tarikh kuat kuasa (keadaan sedia ada)
Penyakit kritis	30 hari dari tarikh kuat kuasa 12 bulan (penyakit sedia ada) 120 hari (penyakit khusus)
Elaun kemasukan hospital	Kemalangan - serta-merta Penyakit - 30 hari dari tarikh kuat kuasa 120 hari (penyakit khusus)

REAKSI Apa Kata Pendeposit

"SEJAK pelancarannya, saya sudah tertarik dengan pelan gabungan yang ditawarkan dalam SSPN-i Plus iaitu terdapat perlindungan takaful dan simpanan untuk pendidikan. Jadi, untuk anak kedua saya yang berusia 15 tahun ini, saya memilih menyimpan di dalam SSPN-i Plus dengan mengambil Pakej Nilam iaitu sebanyak RM300 sebulan untuk masa depan pendidikan anak saya. Pada masa sama, pendeposit juga akan dibantu jika berlaku apa-apa melalui perlindungan takaful yang turut digabungkan bersama pelan ini."



MUTAMMIM MD. SHARIF, 54
Kakitangan awam

Potongan gaji bayar pembiayaan

ISU kegagalan peminjam membayar balik pembiayaan PTPTN bukanlah satu perkara baharu, malah sering kali dibangkitkan namun ramai lagi yang masih gagal membuat sebarang pembayaran.

Bagi mengatasi masalah itu, selain membantu meningkatkan kutipan, PTPTN menggalakkan peminjam membuat potongan gaji iaitu satu kaedah yang mudah dan konsisten serta menjadikan jumlah kutipan bayaran balik lebih stabil.

Menurut Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPTN, Mastura Mohd. Khalid, potongan gaji adalah salah satu daripada kaedah bayaran balik yang disediakan PTPTN dan ia bukan sahaja memudahkan



MASTURA MOHD. KHALID

pihak peminjam tetapi juga PTPTN.

Katanya, setakat ini telah banyak agensi kerajaan dan swasta telah memberikan kerjasama untuk melaksanakan potongan gaji bagi bayaran balik pembiayaan PTPTN termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam.

"Dengan persetujuan tersebut, kutipan bayaran balik PTPTN menjadi lebih stabil dan jumlah dan untuk tujuan pembiayaan akan semakin kukuh. Langkah ini diharap dapat memberi kebaikan bukan hanya kepada peminjam sedia ada, tetapi

juga untuk bakal pelajar institusi pengajian tinggi.

"Melalui langkah potongan gaji kakitangan awam, PTPTN menjangkakan kutipan bayaran balik yang bakal diterima adalah sebanyak RM20 juta sebulan atau RM240 juta setahun," katanya.

Mastura berkata, diharap lebih ramai majikan sektor swasta akan turut sama mengambil langkah melaksanakan potongan gaji untuk kakitangan mereka.

Jelasnya, jika peminjam PTPTN yang bekerja di sektor swasta dan yang bekerja sendiri turut melaksanakan potongan gaji atau membuat *auto debit* secara bulanan maka jumlah penerimaan bayaran balik pembiayaan PTPTN akan terus meningkat.

"Sekiranya semua memberikan kerjasama, sudah pasti pembiayaan pendidikan untuk pelajar-pelajar baru dan generasi akan datang akan lebih terjamin tambahan pula kos pendidikan kini semakin tinggi," katanya.



PTPTN menjangkakan kutipan bayaran balik yang bakal diterima adalah sebanyak RM20 juta sebulan atau RM240 juta setahun."

MASTURA MOHD. KHALID
Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPTN

fakta

Sehingga 30 September 2015, seramai

1.8 juta peminjam sepatutnya mula membuat bayaran balik, tetapi daripada jumlah tersebut seramai **607,842 orang** dikesan tidak pernah membuat sebarang bayaran balik

info

Antara agensi melaksanakan potongan gaji

- Tenaga Nasional Berhad (TNB) **214**
- Pos Malaysia Berhad **65**
- Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (Proton) **60**
- Sistem Televisyen Malaysia Berhad **47**

Prosedur bayaran balik pembiayaan melalui **potongan gaji terus kepada PTPTN**

Majikan

- Kemukakan Borang Pendaftaran Majikan (Potongan Gaji PTPTN) yang lengkap ke pejabat PTPTN yang berhampiran



01

Peminjam

- Serahkan Borang Kebenaran Potong Gaji Bagi Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN yang lengkap ke pejabat PTPTN yang berhampiran



02



03



PTPTN

- Kemas kini rekod potongan gaji ke dalam sistem
- Kemukakan rekod potongan gaji baharu kepada majikan pada setiap akhir bulan (sekiranya ada)



04

Majikan

- Lakukan potongan gaji
- Kemukakan data dan bayaran potongan gaji kepada PTPTN sebelum 15 hari bulan pada bulan berikutnya



05

PTPTN

- Kemas kini penyata pembiayaan peminjam



Urus niaga tanpa tunai mudahkan pelanggan

MENYEDARI keperluan pelanggan yang ingin urus niaga lebih mudah dan selamat, PTPTN melangkah setapak lagi dengan memperkenalkan *Electronic Data Capture (EDC) Terminal* sebagai saluran baru yang membolehkan bayaran dibuat tanpa tunai.

Transaksi bayaran boleh dilakukan dengan hanya menggunakan kad kredit, kad debit atau kad ATM bank-bank tempatan

yang mempunyai logo MEPS. Caj yang dikenakan amat rendah iaitu 50 sen bagi satu transaksi bayaran balik pinjaman yang berjaya dan percuma bagi transaksi deposit SSPN-i.

Dengan kemudahan EDC Terminal ini, ia dilihat lebih mudah dan selamat kerana mengurangkan risiko kecurian atau rompakkan memandangkan pelanggan tidak perlu

membawa wang tunai untuk membuat pembayaran tersebut.

Usaha itu membuktikan PTPTN sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan. Malah, atas komitmen itu juga, EDC Terminal kini boleh digunakan di semua kaunter PTPTN seluruh negara.

Selain itu, kemudahan EDC Terminal ini

juga disediakan untuk program-program terpilih.

PTPTN mengharapkan penambahan saluran bayaran baharu itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelanggan untuk urusan bayaran yang lebih cepat dan terjamin sekali gus berupaya meningkatkan kutipan bayaran balik pembiayaan dan deposit SSPN-i.

Pelaksanaan CCRIS didik peminjam lebih bertanggungjawab

TINDAKAN PTPTN menyenaraikan nama peminjam yang gagal membuat bayaran di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) bermula 16 Jun lalu dilihat satu langkah wajar untuk mendidik peminjam supaya berdisiplin dalam membuat bayaran secara teratur dan konsisten selain memastikan PTPTN mempunyai dana yang mencukupi bagi terus membiayai pendidikan generasi akan datang sekali gus melahirkan lebih ramai mereka yang berpendidikan tinggi menjelang tahun 2020.

CCRIS adalah sistem pangkalan data berkomputer yang mengumpul maklumat kredit peminjam daripada institusi kewangan (yang telah beri pinjaman) dan membekalkan semula maklumat tersebut kepada institusi kewangan (yang bakal beri pinjaman) sebagai rujukan untuk membantu mereka menyemak dan membuat penilaian mengenai sejarah kredit (bayaran balik) bakal peminjam/pelanggan mereka.

Dengan adanya CCRIS, peminjam PTPTN khususnya peminjam tegar akan lebih bertanggungjawab untuk memastikan bayaran bulanan dibuat dengan konsisten. Jika mereka gagal berbuat demikian, ia akan menjelaskan tahap kepercayaan kredit peminjam PTPTN tersebut sehingga menyurakan mereka untuk mendapat pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan di dalam negara ini.

Dengan pendekatan itu, diharapkan peminjam yang belum pernah membuat bayaran balik akan hadir dan tampil untuk berunding dengan PTPTN bagi menyelesaikan masalah tunggakan pinjaman mereka.

Tindakan CCRIS

- Peminjam selesaikan semua hutang
- Selesaikan semua tunggakan pinjaman
- Berunding dengan PTPTN untuk penstrukturkan semula
- Bayar secara konsisten mengikut jadual yang ditetapkan

Apa perlu dibuat untuk rekod CCRIS yang baik

PTPTN telah melaksanakan CCRIS berkuat kuasa **16 Jun 2015**. Seramai **136,792** nama peminjam tegar telah dikemukakan kepada Bank Negara untuk dimasukkan di dalam senarai CCRIS. Mereka yang tersenarai adalah peminjam yang tidak membuat bayaran balik selama tiga tahun (**36 bulan**) iaitu bagi tempoh **1 Januari 2012** sehingga **31 Disember 2014**.

Tahukah anda?

fakta

Bayaran tanpa tunai

Bayaran balik pembiayaan PTPTN dan penambahan deposit SSPN-i dan SSPN-i Plus boleh dilakukan dengan menggunakan **kad kredit, kad debit** atau **kad ATM** bank-bank tempatan yang mempunyai logo MEPS di semua cawangan PTPTN seluruh negara



info

Bayaran balik boleh dilakukan pada bila-bila masa melalui sembilan saluran perbankan internet

- CIMB Bank (www.cimbclicks.com.my)
- Maybank (www.maybank2u.com.my)
- Bank Islam (www.bankislam.biz)
- Public Bank (www.pbebank.com.my)
- RHB Bank (www.rhb.com.my)
- Ambank (www.ambankgroup.com.my)
- Bank Rakyat (www.irakyat.com.my)
- Pos Online (www.posonline.com.my)
- BSN (www.mybsn.com.my)

Saluran bayaran balik dipelbagaikan

PEMINJAM kini sebenarnya tiada alasan untuk tidak melaksanakan tanggungjawab dalam membayar balik pembiayaan kerana PTPTN telah menyediakan pelbagai kemudahan saluran bayaran balik termasuk secara *online*.

PTPTN juga telah membuka 74 buah pejabat PTPTN Negeri dan cawangan di seluruh negara termasuk pembukaan kaunternya di tempat-tempat awam seperti pasar raya Tesco, Giant dan Aeon Big, serta beberapa cawangan di Pusat Transformasi Bandar (UTC).

Malah, Eksekutif Pemasaran PTPTN juga boleh dihubungi bagi mendapatkan penerangan secara percuma bagi mem-

bantu para peminjam.

Setakat ini, PTPTN mempunyai lebih 500 Eksekutif Pemasaran yang boleh dihubungi pada bila-bila masa dan membuat temu janji untuk berjumpa di mana sahaja mengikut kesesuaian peminjam bagi mendapatkan khidmat nasihat dan membuat rundingan. Untuk mendapatkan nama dan nombor telefon Eksekutif Pemasaran PTPTN yang sah, layari portal rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my).

Memudahkan lagi peminjam, mereka juga boleh melaksanakan bayaran balik melalui ejen-ejen bank yang dilantik oleh PTPTN iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Bank, Bank Simpanan Nasional,

Bank Rakyat dan Pos Malaysia Berhad yang mempunyai lebih 3,000 cawangan di seluruh negara.

Peminjam juga boleh membuat bayaran balik melalui *Financial Processing Exchange* (FPX) di portal rasmi PTPTN.

Bagi tujuan keselamatan dan keselesaan pelanggan, bayaran balik juga boleh dilakukan tanpa tunai dengan kemudahan EDC Terminal di kaunter-kaunter PTPTN dengan menggunakan kad kredit, kad debit atau kad ATM bank-bank tempatan.

Selain itu, peminjam PTPTN turut boleh membuat bayaran balik melalui pengeluaran akaun II Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

info

Syarat Pengeluaran KWSP Akaun II

Permohonan pengeluaran daripada peminjam

- Bagi peringkat pengajian Ijazah dan Diploma: Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bermula daripada tarikh 2 Januari 2001 dan ke atas.

Permohonan pengeluaran daripada ibu atau bapa peminjam

- Bagi peringkat pengajian Ijazah: Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bermula daripada bulan April 2000 dan ke atas.
- Bagi peringkat pengajian Diploma: Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah daripada tarikh 17 Januari 2006 dan ke atas.

Kaunter PTPTN (Tunai dan tanpa tunai melalui EDC Terminal)



Kaunter bank dan Pos Malaysia

Perbankan Internet



Urusan bayaran balik boleh dilakukan dengan mudah melalui pelbagai cara dan saluran



Potongan gaji

Portal PTPTN e-FES



Pengeluaran KWSP Akaun II



Kunjungi Pejabat PTPTN Negeri/Cawangan/Kios

KUALA LUMPUR

PTPTN Negeri WP Kuala Lumpur

- Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur
- PTPTN Cawangan One Stop Center, KL Sentral
- PTPTN Cawangan Putrajaya, KPT, Presint 5
- PTPTN Cawangan UTC Pudu, Kuala Lumpur
- PTPTN Cawangan Bangunan Ibu Pejabat MARA, Tingkat 2, Medan Mara
- PTPTN Cawangan Ayer 8, Putrajaya
- PTPTN Cawangan KPM, Blok E12, Putrajaya
- PTPTN Cawangan Tesco Selayang, Lot F4, Tingkat 1
- PTPTN Cawangan Setapak Sentral, Lot S 46A, Tingkat 1
- PTPTN Cawangan (Kios) Aeon Metro Prima Shopping Centre, Kepong
- PTPTN Cawangan (Kios) Tesco Scott Garden, Jalan Klang Lama
- PTPTN Cawangan (Kios) Wangsa Walk Mall, Tingkat 1, Wangsa Avenue
- PTPTN Cawangan (Kios) Giant Hypermarket Batu Caves
- PTPTN Cawangan (Kios) The Mines Shopping Mall, Seri Kembangan
- PTPTN Cawangan (Kios) Terminal Bersepadu Selatan (TBS)

SELANGOR

PTPTN Negeri Selangor

- Tingkat Bawah, Tingkat Mezzanine dan Tingkat 8, Menara MRCB, No. 2, Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14, 40712 Shah Alam, Selangor
- PTPTN Cawangan Rawang, Rawang One, Bandar Baru Rawang
- PTPTN Cawangan Petaling Jaya, Amcorp Mall, Petaling Jaya
- PTPTN Cawangan Puchong, Giant Hypermarket Bandar Kinrara
- PTPTN Cawangan Kota Damansara, Giant Hypermarket Kota Damansara
- PTPTN Cawangan Kuala Selangor, Kompleks PKNS Kuala Selangor
- PTPTN Cawangan Subang Jaya, Giant Hypermarket Subang Jaya
- PTPTN Cawangan (Kios) Mutiara Damansara, Tesco Mutiara Damansara

NEGERI SEMBILAN

PTPTN Negeri Sembilan

- Tingkat 3, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
- PTPTN Cawangan Senawang, Giant Hypermarket Senawang
- PTPTN Cawangan Nilai, 9 Avenue (sekitar Giant Hypermarket)
- PTPTN Cawangan Tampin, Tampin Square

MELAKA

PTPTN Negeri Melaka, UTC Melaka

- Suite 4.2 - 4.5, Aras 4, Urban Transformation Centre (UTC), Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka
- PTPTN Cawangan Ayer Keroh, Kota Fesyen MITC, Ayer Keroh
- PTPTN Cawangan Masjid Tanah, Bangunan Tabung Haji Masjid Tanah
- PTPTN Cawangan Jasin, Jalan Bestari 1, Bandar Jasin Bestari, Seksyen 2, Jasin

JOHOR

PTPTN Negeri Johor

- No. 17, Jalan Padi Emas 1/5, Uda Business Centre, Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru, Johor
- PTPTN Cawangan UTC Johor, Aras 3
- PTPTN Cawangan Kluang, No. 14, Tingkat 1, Jalan Haji Manan
- PTPTN Cawangan Batu Pahat, Arked Mara Batu Pahat
- PTPTN Cawangan Plentong, Giant Hypermarket Plentong
- PTPTN Cawangan Muar, Giant Hypermarket Muar
- PTPTN Cawangan Segamat, Pasaraya KIP Mart Segamat

PULAU PINANG

PTPTN Negeri Pulau Pinang

- No. 53 Jalan Todak 6, Pusat Perniagaan Bandar Sunway Perdana, 13700 Seberang Jaya, Butterworth, Pulau Pinang
- PTPTN Cawangan Bayan Baru, No. 10, Persiaran Mahsuri 1/2, Sunway Tunas, Bayan Lepas
- PTPTN Cawangan Georgetown, Bangunan Mara, No.33, Jalan Pangkalan Weld
- PTPTN Cawangan AEON Mall, Bukit Mertajam

PERLIS

PTPTN Negeri Perlis

- Lot 36 & 38, Medan Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis

KEDAH

PTPTN Negeri Kedah

- No. 1302, Jalan Tunku Ibrahim, 05000 Alor Setar, Kedah
- PTPTN Cawangan UTC Kedah, Aras 4
- PTPTN Cawangan Tesco Sungai Petani Utara, Lot 20

PERAK

PTPTN Negeri Perak

- No. 11 & 13, Tingkat Bawah, Persiaran Green Town 4, 31300 Green Town, Ipoh, Perak
- PTPTN Cawangan UTC Perak, Aras 3
- PTPTN Cawangan Manjung, Giant Hypermarket, Manjung
- PTPTN Cawangan Taiping/Kuala Kangsar, Tesco Taiping
- PTPTN Cawangan Teluk Intan, Lot 1.19, Tingkat 1, Rapid Mall Seri Intan (Giant Teluk Intan)
- PTPTN Cawangan (Kios) Pangkalan TLDM, Lumut

PAHANG

PTPTN Negeri Pahang

- No.48, Malay Town, Jalan Putra Square 1, Putra Square, 25200 Kuantan, Pahang
- PTPTN Cawangan UTC Pahang, Aras 2
- PTPTN Cawangan Raub, No. 22, Tingkat 1, Pusat Perniagaan Raub
- PTPTN Cawangan (Kios) Temerloh, Temerloh Mall

TERENGGANU

PTPTN Negeri Terengganu

- No.37 (B6) Blok B, Tingkat Bawah, 1 dan 2, Dataran Emas, Jalan Sultan Sulaiman, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu
- PTPTN Cawangan Dungun, Jalan Baru Pak Sabah
- PTPTN Cawangan (Kios) Giant Hypermarket, Kuala Terengganu

KELANTAN

PTPTN Negeri Kelantan

- Lot 396, Jalan Kuala Krai, Bandar Baru Tunjong, 15100 Kota Bharu, Kelantan
- PTPTN Cawangan Kuala Krai, PT5555, Tingkat Bawah & 1, Taman Yani
- PTPTN Cawangan Mini Tesco Kota Bharu
- PTPTN Cawangan Mini Pasir Mas (Mobile), Lot PL/106B, Plaza Serakai Mas
- PTPTN Cawangan (Kios) Mara, Lot 2-8, Tingkat 8, Kompleks Mara, Kota Bharu

SABAH

PTPTN Negeri Sabah

- B1-06, Tingkat 1, Warisan Square, Jalan Tun Fuad Stephens, 88100 Kota Kinabalu, Sabah
- PTPTN Cawangan Tawau, Fajar Commercial Complex
- PTPTN Cawangan Sandakan, Harbour Mall
- PTPTN Cawangan UTC Kota Kinabalu

SARAWAK

PTPTN Negeri Sarawak

- Lot 519, No. 15-I, Section 6, Al-Idrus Commercial Centre, Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak
- PTPTN Cawangan UTC Sarawak, Aras 4
- PTPTN Cawangan Miri, Wisma Pelita Tunku, Miri
- PTPTN Cawangan Sibu, Jalan Kampung Datu, Sibu
- PTPTN Cawangan (Kios) Boulevard Shopping Mall, Kuching

Ibu Pejabat PTPTN akan berpindah ke lokasi baharu bermula 1 Disember 2015
di alamat: Tingkat Bawah, Menara PTPTN (dahulu dikenali sebagai Menara Park).
Blok D, Megan Avenue II, No.12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.


www.ptptn.gov.my


Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)


[twitptptn](#)

[instaptptn](#)
Hotline: 03-20804455